

## Realisasi Gagasan Perpaduan Kaum

Gagasan perpaduan Malaysia oleh Tan Sri Lee Lam Thye bukan sekadar terlahir dari ungkapan sang idealis semata-mata. Sebaliknya konsep perpaduan telah serasi dan selesa di dalam diri beliau sejak dibangku sekolah lagi. Pengalaman terlibat dalam aktiviti Pengakap benar-benar meresapi jiwa humanis beliau dan terbawa sehingga kini. Selaku anggota panel penasihat Perpaduan Negara, beliau percaya bahawa sekolah bukan sahaja tempat yang ideal malah tempat terbaik untuk memupuk persefahaman antara kaum. Ibarat tanah yang subur, sekolah rendah merupakan tempat paling sesuai untuk menyemai benih-benih perpaduan yang disirambajai dengan pendidikan nilai-nilai murni manusiawi.

Generasi masa depan warga Malaysia yang membesar dalam persekitaran sebegini pastinya amat berkesan mengubah gagasan idealis kepada realiti bangsa Malaysia. Justeru itulah, sangat bertepatan apabila beliau dinobatkan sebagai Tokoh Perpaduan Negara pada tahun 2008. Kesenambungan perjuangan beliau ke arah perpaduan kaum diteruskan apabila beliau dilantik sebagai pemegang Amanah Yayasan 1Malaysia pada Julai 2009. Yayasan 1Malaysia adalah satu badan bebas yang tidak berasaskan keuntungan bagi menyokong inisiatif-inisiatif kerajaan dan sektor swasta dalam membangun serta menyokong perpaduan nasional. Beliau turut bersetuju bahawa konsep *Wasatiyyah* atau kesederhanaan dapat membantu dalam menjamin perpaduan khususnya dalam usaha mengekang budaya atau kegiatan fanatik dan ekstremis dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Sebagai seorang humanis yang menitikberatkan integrasi nasional, Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye berpendapat untuk memupuk perpaduan lebih erat dalam kalangan rakyat negara ini, syarikat swasta harus memasukkan kegiatan perpaduan ke arah itu dalam program tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam kegiatan sosial lain seperti yang mempunyai

kaitan dengan alam sekitar, penjagaan kesihatan, pendidikan dan membantu golongan kurang bernasib baik, sektor korporat telah banyak memberi sumbangan, walaupun usaha ini masih boleh dilipatgandakan. Bagi beliau, apabila sektor korporat tampil membantu masyarakat sivil dalam perkara berkaitan perpaduan nasional, ia sebenarnya melabur secara langsung ke arah kestabilan negara dan ini amat penting untuk membantu perniagaan terus berkembang dan merencanakan kegiatan ekonomi. Hal ini demikian kerana usaha menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum di negara ini merupakan cabaran terbesar bagi Malaysia dan menjadi kunci utama bagi kelangsungan hidup rakyat negara ini. Bagi beliau lagi, tidak ada tanggungjawab sosial yang lebih besar daripada memastikan kejayaan negara ini dalam menyatupadukan rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum. Bagi pihak kerajaan pula, usaha murni sektor korporat ini boleh digalakkan dengan pemberian pengecualian cukai dan geran kepada syarikat terbabit.

## *Kesihatan Mental: Pewarisan Kewarasan Generasi Masa Depan*

**R**evolusi Industri pada kurun ke-18 telah menjadi medan para kapitalisme untuk memaksimumkan keuntungan dengan manipulasi tenaga buruh yang mana buruh dianggap sebagai komoditi yang boleh diperdagangkan. Marx, sebagai seorang pejuang emansipasi buruh berpandangan bahawa sebaik sahaja seorang manusia mulai bekerja, dia bukan sahaja mengubah persekitarannya tetapi turut mengubah dirinya. Dalam konteks ini, Marx merujuk kepada pekerjaan yang bukan sahaja memberi kesan fizikal kepada pekerja tetapi turut mempengaruhi kesihatan mental dan psikologikal pekerja. Peralihan zaman, kepesatan ekonomi moden dan kederasan perubahan teknologi mendedahkan pekerja bahaya pekerjaan bentuk baru. Perubahan teknologi itu sendiri misalnya, menuntut para pekerja untuk bersedia mengadaptasi cara kerja seiring dengan keperluan semasa mengakibatkan ada pekerja mengalami tekanan. Senario ini telah dibuktikan lewat limpahan penyelidikan berkaitan tekanan kerja baik di peringkat lokal mahupun antarabangsa.